

**Soalan-Soalan Lazim Bagi Pelan Bantuan Pembayaran Kategori Perusahaan Mikro
HLB/HLISB**

No	Soalan	Jawapan
1.	Siapakah yang layak memohon Pelan Bantuan Pembayaran Perusahaan Mikro (PBPPM)?	<p>Semua pelanggan perusahaan mikro dengan definisi yang termaktub dalam Garis Panduan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang diterbitkan oleh SME Corporation Malaysia. Ini termasuk semua jenis perusahaan merangkumi pelbagai sektor dengan;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai jualan tahunan kurang daripada RM300,000; atau • Bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang
2.	Bagaimanakah cara untuk memohon PBPPM?	<p>Anda boleh membuat permohonan di laman sesawang kami http://www.hlb.com.my/relief / kunjungi mana-mana cawangan kami / hubungi Pengurus Perhubungan anda.</p>
3.	Apakah jenis kemudahan yang ditawarkan di bawah PBPPM?	<p>PBPPM ditawarkan kepada perusahaan mikro yang layak dengan jumlah pembiayaan sehingga RM150,000 bagi kemudahan-kemudahan yang berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Pinjaman Berjangka / Pembiayaan Berjangka-i 2) Pinjaman Berjangka / Pembiayaan Berjangka-i yang telah ditukarkan daripada Pinjaman /Pembiayaan Perdagangan-i, Jaminan Bank/Jaminan Bank-i atau kemudahan Overdra/Aliran Tunai-i 3) Pembiayaan SRF dengan pembayaran yang akan bermula tidak lama lagi. 4) Pembiayaan Sewa Beli 5) Sewa Beli Industri / Sewa Beli Industri-i <p>Sekiranya anda memerlukan bantuan pembayaran bagi kemudahan pinjaman/pembiayaan selain yang disenaraikan di atas, anda boleh memohon PBPPM melalui Pengurus Perhubungan / pihak Bank.</p>
4.	Apakah jenis-jenis pelan bantuan pembayaran yang ditawarkan melalui PBPPM?	<p>Melalui PBPPM, pelanggan yang layak boleh memilih seperti yang berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Penangguhan pembayaran ansuran 3 bulan; atau 2) Pengurangan ansuran sebanyak 50% bagi tempoh 6 bulan <p>Sila ambil perhatian bahawa faedah / keuntungan akan terakru ke atas amaun yang ditangguhkan/ditunda bagi bantuan pembayaran yang disasarkan.</p> <p>Untuk pembiayaan Islamik, keuntungan hanya akan dikenakan pada baki pokok dari jumlah tertunda.</p>

No	Soalan	Jawapan
5.	Jika saya tidak layak untuk memohon melalui PBPPM, adakah pihak Bank menyediakan pelan alternatif untuk membantu saya?	<p>Kami memahami kerisauan anda dan kami sedia membantu berdasarkan situasi yang anda alami melalui PBPPM.</p> <p>Sekiranya kami tidak dapat membantu, atau anda memerlukan penilaian persendirian untuk menilai situasi kewangan anda, berikut adalah beberapa agensi yang menawarkan khidmat nasihat berkaitan kewangan untuk PKS dan /atau Korporat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Khidmat Nasihat Pembiayaan (KNP) Untuk pertanyaan, sila hubungi 603-7880 0088 atau layari www.myknp.com.my 2) Jawatankuasa Penyelesaian Hutang Kecil (SDRC) di bawah AKPK Untuk pertanyaan, sila hubungi 03-2626 7766 3) Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) Untuk pertanyaan, sila hubungi 603-2265 0878 atau layari www.cdrc.my
6.	Pada masa ini, saya terikat dengan Pelan Bantuan Pembayaran HLB/HLISB yang sedia ada. Adakah saya perlu membuat penukaran ke PBPPM?	<p>Tidak, anda boleh meneruskan dengan Pelan Bantuan Pembayaran HLB/HLISB yang sedia ada. Anda tidak perlu menukar ke PBPPM.</p> <p>Perbezaan antara Pelan Bayaran Bantuan HLB/HLISB sedia ada dan PBPPM adalah tiada dokumen yang diperlukan semasa permohonan bagi pelanggan yang telah memenuhi syarat perusahaan mikro seperti termaktub di dalam Garis Panduan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang diterbitkan oleh SME Corporation Malaysia.</p>
7.	Sekiranya skala perniagaan saya berubah dan saya kini layak sebagai perusahaan mikro, bolehkah saya memohon untuk PBPPM?	Ya, anda boleh memohon untuk PBPPM dengan melengkapkan borang pengisytiharan peribadi yang boleh didapati di laman sesawang kami.
8.	Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya masih memerlukan bantuan setelah PBPPM tamat dalam masa 3/6 bulan?	Sekiranya anda merasakan masih memerlukan bantuan, sila hubungi Pengurus Perhubungan /pihak Bank sebelum tamat tempoh 3/6 bulan supaya kami dapat mengemukakan tawaran yang bersesuaian dengan keperluan dan situasi anda.
9.	Bagaimana pelan bantuan pembayaran ini akan mempengaruhi penilaian kredit CCRIS saya?	Akaun anda tidak akan dilaporkan sebagai Penjadualan dan Penstrukturan Semula (<i>R&R</i>) dalam laporan CCRIS bagi permohonan yang diluluskan sehingga 30 Jun 2021.
10.	Jika keadaan kewangan saya tidak terjejas, bolehkah saya memohon PBPPM?	Tidak, sekiranya anda tidak terjejas dengan COVID-19, akaun pinjaman/pembiayaan anda kekal. Sila pastikan anda membuat pembayaran anda pada waktunya jika kemampuan anda untuk membayar balik pinjaman / membayar pembiayaan anda tidak terjejas.

No	Soalan	Jawapan
11.	Adakah saya akan dikenakan sebarang fi pemprosesan ke atas akaun saya jika saya mendaftar untuk PBPPM?	Tiada sebarang fi pemprosesan yang dikenakan. Bayaran Setem sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke akaun anda untuk pengesahan Surat Tawaran Tambahan (SLO) anda.
12.	Adakah saya perlu menandatangani sebarang Surat Tawaran Tambahan?	<p>Ya, apabila terdapat lanjutan ke atas tempoh pinjaman/pembiayaan anda.</p> <p>Kami akan mengirimkan Surat Tawaran Tambahan kepada anda untuk mengemukakan terma yang dikemaskini. Kami akan melakukan dengan cara yang mudah melalui kemudahan digital untuk mempercepatkan proses ini.</p> <p>Pengurus Perhubungan / pihak Bank akan menghubungi anda melalui telefon / menghantar e-mel salinan Surat Tawaran Tambahan untuk tindakan lanjut anda.</p> <p>Pastikan anda sentiasa memeriksa peti masuk e-mel anda selain memeriksa peti mel remeh (<i>junk mailbox</i>) sebagai langkah memastikan anda menerima e-mel kami.</p>
13.	Adakah Penjamin perlu menandatangani Surat Tawaran Tambahan?	Penjamin yang akan menandatangani Surat Tawaran Tambahan adalah orang yang dilantik seperti dinyatakan di dalam Resolusi Lembaga atau Mandat Perkongsian, yang mana berkenaan. Salinan Resolusi Lembaga atau Mandat Perkongsian akan diserahkan kepada pihak Bank.
14.	Bagaimana saya boleh mengetahui bahawa permohonan saya sedang disemak oleh pihak Bank?	Bagi pelanggan Perbankan PKS, anda akan dihubungi oleh Pengurus Perhubungan/ pihak Bank dalam masa 5 hari bekerja setelah borang permohonan anda yang lengkap diterima oleh pihak Bank.
15.	Bagi pilihan pengurangan ansuran sebanyak 50%, bilakah saya perlu membuat pembayaran amaun ansuran yang baharu?	Pembayaran perlu dibuat sebaik anda menerima dan memersetujui pelan bantuan pembayaran ini.
16.	Adakah program ini juga ditawarkan untuk pinjaman / pembiayaan yang baharu diluluskan / dikeluarkan?	Tidak, sekiranya pinjaman/pembiayaan diluluskan selepas 1 Oktober 2020. Walau bagaimanapun, anda boleh menghubungi pihak Bank untuk penilaian keadaan kewangan dan kemampuan anda, untuk kami menawarkan bantuan yang bersesuaian dengan situasi yang anda alami.
17.	Adakah terdapat apa-apa caj penalti /faedah/caj pampasan ke atas akaun pinjaman/pembiayaan, jika saya gagal membuat bayaran selepas menyertai PBPPM?	Ya, akaun pinjaman/pembiayaan anda akan dikenakan caj penalti / faedah / caj pampasan sekiranya anda ingkar diatas PBPPM. Sila rujuk pada terma dan syarat di dalam Surat Tawaran Asal mengenai caj penalti sekiranya berlaku keingkaran di atas amaun ansuran baharu yang dipersetujui.

No	Soalan	Jawapan
		Oleh itu, anda disarankan untuk memastikan pembayaran bulanan akaun pinjaman/pembiayaan Penjadualan dan Penstrukturan Semula anda di bawah PBPPM tepat pada waktunya.
18.	Bolehkah saya menarik diri dari PBPPM sekiranya status kewangan saya telah pulih?	Ya, anda boleh memilih untuk menarik diri daripada PBPPM. Sila maklumkan kepada kami dengan segera jika anda boleh mengembalikan / memulakan pembayaran dengan amaun ansuran asal dan pihak kami akan mengaturnya.
19.	Bagaimana saya tahu bahawa saya telah berjaya menarik diri dari PBPPM?	Surat pemberitahuan akan dikeluarkan untuk memaklumkan anda mengenai amaun ansuran bulanan baharu. Anda perlu membayar ansuran baharu sebelum tarikh matang yang ditetapkan.
20.	Adakah faedah / keuntungan dikenakan ke atas amaun yang ditangguhkan?	Ya, faedah / keuntungan akan dikenakan ke atas sebarang amaun yang ditangguhkan. Kami akan memaklumkan kepada anda mengenai amaun ansuran yang terkini dan tempoh lanjutan pinjaman / pembiayaan anda. Untuk pembiayaan Islamik, keuntungan hanya akan dikenakan pada baki pokok dari jumlah tertunda.
21.	Jika akaun saya tertunggak lebih dari 90 hari, bolehkah saya memohon PBPPM?	Ya, kami akan memproses permohonan anda di bawah Pelan Penjadualan dan Penstrukturan Semula dan akaun anda akan dilaporkan sebagai Dijadualkan dan Distrukturkan Semula (R&R) dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS).

Sewa Beli Industri (Konvensional) dan / Sewa Beli Industri-i (Islamik)

Pilihan 1 – penangguhan ansuran selama 3 bulan

Kadar Faedah rata setahun	3.00%
Kadar Peratus Tahunan	5.49%
Kadar Faedah/Keuntungan berikutan APR	5.49%
Tempoh Pembiayaan (Bulan)	12
Amaun Pinjaman/Pembiayaan (RM)	RM50,000
Jumlah Keseluruhan Faedah/Keuntungan Dikenakan (RM)	RM1,500
Jumlah Pembayaran Semula (RM)	RM51,500
Ansuran Bulanan (RM)	RM4,292
Ansuran Terakhir (RM)	RM4,288
Tarikh Ansuran Pertama	1/7/2020
Tarikh Ansuran Akhir	1/6/2021
Tarikh Matang Asal	1/6/2021
Tarikh Matang Selepas Tangguh	1/9/2021
Tarikh Permulaan Penangguhan	1/12/2020
Tarikh Akhir Penangguhan	28/2/2021
Caj Faedah Tertangguh (RM) – Konvensional	410.76
Caj Keuntungan Tertangguh (RM) – Islamik	399.72

Sewa Beli Industri (Konvensional)

Tarikh Bayaran	Baki dibawa hadapan	Ansuran Bulanan	Baki dibawa hadapan	Faedah dari tarikh tertangguh sehingga tarikh bayaran	
	RM	RM	RM	RM	Hari
1/7/2020	51,500.00	4,292.00	47,208.00	-	-
1/8/2020	47,208.00	4,292.00	42,916.00	-	-
1/9/2020	42,916.00	4,292.00	38,624.00	-	-
1/10/2020	38,624.00	4,292.00	34,332.00	-	-
1/11/2020	34,332.00	4,292.00	30,040.00	-	-
1/12/2020 ^[1]	30,040.00	-	30,176.92	136.92	212
1/1/2021 ^[1]	30,176.92	-	30,313.84	136.92	212
1/2/2021 ^[1]	30,313.84	-	30,450.76	136.92	212
1/3/2021	30,450.76	4,292.00	26,158.76	-	-
1/4/2021	26,158.76	4,292.00	21,866.76	-	-
1/5/2021	21,866.76	4,292.00	17,574.76	-	-
1/6/2021	17,574.76	4,292.00	13,282.76	-	-
1/7/2021 ^[2]	13,282.76	4,292.00	8,990.76	-	-
1/8/2021 ^[2]	8,990.76	4,292.00	4,698.76	-	-
1/9/2021 ^[2]	4,698.76	4,698.76	-	-	-

 Note: ^[1] Tempoh Tertangguh

^[2] Tempoh Lanjutan

Sewa Beli Industri-i (Islamik)

Tarikh Bayaran	Baki dibawa hadapan	Ansuran Bulanan	Baki dibawa hadapan	Keuntungan dari tarikh tertangguh sehingga tarikh bayaran	
	RM	RM	RM	RM	Hari
1/7/2020	51,500.00	4,292.00	47,208.00	-	-
1/8/2020	47,208.00	4,292.00	42,916.00	-	-
1/9/2020	42,916.00	4,292.00	38,624.00	-	-
1/10/2020	38,624.00	4,292.00	34,332.00	-	-
1/11/2020	34,332.00	4,292.00	30,040.00	-	-
1/12/2020 ^[1]	30,040.00		30,172.63	132.63	212
1/1/2021 ^[1]	30,172.63	-	30,305.87	133.24	212
1/2/2021 ^[1]	30,305.87	-	30,439.72	133.85	212
1/3/2021	30,439.72	4,292.00	26,147.72	-	-
1/4/2021	26,147.72	4,292.00	21,855.72	-	-
1/5/2021	21,855.72	4,292.00	17,563.72	-	-
1/6/2021	17,563.72	4,292.00	13,271.72	-	-
1/7/2021 ^[2]	13,271.72	4,292.00	8,979.72	-	-
1/8/2021 ^[2]	8,979.72	4,292.00	4,687.72	-	-
1/9/2021 ^[2]	4,687.72	4,687.72	-	-	-

Note: ^[1] Tempoh Tertangguh

^[2] Tempoh Lanjutan

^[3] Keuntungan terakru berdasarkan pada bahagian modal tertunda sahaja

Pilihan 2 – Pengurangan 50% pada ansuran selama 6 bulan

Kadar Rata Faedah/Keuntungan setahun	3.00%
Kadar Peratus Tahunan	5.49%
Kadar Faedah/Keuntungan berikutan APR	5.49%
Tempoh Pembiayaan (Bulan)	12
Amaun Pinjaman/Pembiayaan (RM)	50,000
Jumlah Keseluruhan Faedah/Keuntungan Dikenakan (RM)	1,500
Jumlah Pembayaran Semula (RM)	51,500
Ansuran Bulanan (RM)	4,292
Ansuran Terakhir (RM)	4,288
Potongan Ansuran 50% (RM)	2,146
Jumlah Potongan Ansuran 50% selama 6 Bulan	12,876
Tarikh Ansuran Pertama	01/07/2020
Tarikh Ansuran Akhir	01/06/2021
Tarikh Matang	
Tarikh Mula Penangguhan 50%	1/12/2020
Tarikh Akhir Penangguhan 50%	31/5/2021
Caj Faedah Tertangguh (RM) – Konvensional	205.70
Caj Keuntungan Tertangguh (RM) - Islamik	205.70

Sewa Beli Industri (Konvensional)

Tarikh Bayaran	Baki dibawa hadapan	Ansuran Bulanan	Baki dibawa hadapan	Faedah dari tarikh tertangguh sehingga tarikh bayaran	
	RM	RM	RM	RM	Hari
1/7/2020	51,500.00	4,292.00	47,208.00	-	-
1/8/2020	47,208.00	4,292.00	42,916.00	-	-
1/9/2020	42,916.00	4,292.00	38,624.00	-	-
1/10/2020	38,624.00	4,292.00	34,332.00	-	-
1/11/2020	34,332.00	4,292.00	30,040.00	-	-
1/12/2020	30,040.00	2,146.00	27,952.77	58.77	182
1/1/2021	27,952.77	2,146.00	25,855.53	48.76	151
1/2/2021	25,855.53	2,146.00	23,748.29	38.75	120
1/3/2021	23,748.29	2,146.00	21,602.29	29.71	92
1/4/2021	21,602.29	2,146.00	19,456.29	19.70	61
1/5/2021	19,456.29	2,146.00	17,310.29	10.01	31
1/6/2021	17,310.29	17,310.29	(0.00)	-	-

Sewa Beli Industri-i (Islamik)

Tarikh Bayaran	Baki dibawa hadapan	Ansuran Bulanan	Baki dibawa hadapan	Keuntungan dari tarikh tertanggung sehingga tarikh bayaran	
	RM	RM	RM	RM	Hari
1/7/2020	51,500.00	4,292.00	47,208.00	-	-
1/8/2020	47,208.00	4,292.00	42,916.00	-	-
1/9/2020	42,916.00	4,292.00	38,624.00	-	-
1/10/2020	38,624.00	4,292.00	34,332.00	-	-
1/11/2020	34,332.00	4,292.00	30,040.00	-	-
1/12/2020	30,040.00	2,146.00	27,952.77	58.77	182
1/1/2021	27,952.77	2,146.00	25,855.53	48.76	151
1/2/2021	25,855.53	2,146.00	23,748.29	38.75	120
1/3/2021	23,748.29	2,146.00	21,602.29	29.71	92
1/4/2021	21,602.29	2,146.00	19,456.29	19.70	61
1/5/2021	19,456.29	2,146.00	17,310.29	10.01	31
1/6/2021	17,310.29	17,310.29	(0.00)	-	-

Istilah Glosari

No	Terminologi	Penerangan
1	Faedah Terakru	Faedah Terakru adalah jumlah faedah yang terkumpul pada pinjaman/pembiayaan sejak tarikh pembayaran faedah terakhir.
2	Kadar Pinjaman Asas	Kadar Pinjaman Asas, yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia adalah kadar faedah minimum yang dikira oleh institusi perbankan berdasarkan formula yang mengambil-kira kos dana institusi dan kos pentadbiran lain.
3	CCRIS (Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat)	Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) adalah sistem yang diwujudkan oleh Biro Kredit Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menyediakan laporan kredit standard mengenai bakal peminjam. Ia adalah pangkalan data berpusat yang menawarkan gambaran kesihatan kewangan anda.
4	Kadar Kontrak	Kadar Kontrak merujuk kepada kadar faedah tahunan berkenaan dengan kontrak tertentu.
5	Faedah Kompaun	Faedah Kompaun (atau faedah mengkompaun) adalah faedah ke atas pinjaman/pembiayaan yang dikira berdasarkan kedua-dua prinsipal awal dan faedah terkumpul dari tempoh sebelumnya.
6	Bahagian Tertunda	Bahagian Tertunda (berkait dengan pinjaman) adalah jumlah yang sama dengan amaun prinsipal dan faedah pembayaran ansuran berhubung dengan pinjaman tertentu yang pada masa itu perlu dibayar balik pada tarikh pembayaran balik yang jatuh semasa tempoh penangguhan (jika ada) selaras dengan perjanjian itu.
7	Faedah Tertunda	Faedah Tertunda adalah faedah yang anda kumpulkan pada akaun, tetapi belum dibayar. Sebaliknya, faedah itu ditangguhkan, juga dikenali sebagai ditangguhkan untuk satu tempoh masa.
8	Kadar Rata	Faedah Kadar Rata adalah jenis faedah yang akan kekal sama pada amaun pinjaman/pembiayaan utama sepanjang tempoh pinjaman anda.
9	Kadar Faedah Tetap	Kadar Faedah Tetap adalah kadar yang tidak akan berubah untuk keseluruhan tempoh pinjaman.

		Nota: Faedah merujuk kepada perbankan konvensional, di mana keuntungan merujuk kepada Perbankan Islam.
10	Pinjaman Kadar Tetap	Pinjaman Kadar Tetap mempunyai kadar faedah yang tidak berubah sepanjang tempoh pinjaman.
11	Rizab Turun Naik Pelaburan	Rizab Turun Naik Pelaburan diwujudkan sebagai peruntukan untuk sebarang perubahan dalam nilai pasaran pelaburan.
12	Faedah	Faedah adalah caj yang dikenakan oleh bank untuk menyediakan kemudahan pinjaman/pembiayaan.
13	Kematangan	Kematangan adalah apabila bayaran pinjaman/pembiayaan tamat.
14	Amaun Prinsipal	Amaun Prinsipal adalah jumlah wang yang dipinjam (atau dilaburkan), tidak termasuk sebarang faedah atau dividen.
15	Penstrukturan Semula & Penjadualan Semula	<ul style="list-style-type: none"> • Penjadualan Semula merujuk kepada melanjutkan atau memanjangkan tempoh pinjaman anda - menyebabkan semakan pada jumlah ansuran bulanan. Bermakna, anda akan dapat membayar jumlah yang lebih rendah setiap bulan. • Penstrukturan Semula pula melibatkan perubahan pada jenis atau struktur pinjaman anda bagi membantu anda meningkatkan aliran tunai semasa anda. Sebagai contoh, bank akan menukar overdraf anda kepada pinjaman bertempoh.
16	Arahan Tetap	Arahan Tetap adalah perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan bank, di mana urusan niaga tetap yang ingin diproses oleh pelanggan diproses sebagai perkara rutin tanpa perlu memulakan transaksi tertentu pada setiap masa.
17	Tempoh	Tempoh adalah tempoh masa di mana pinjaman telah diluluskan dan biasanya distrukturkan dalam gandaan 12 bulan.
18	Kadar Pemboleh Ubah	Kadar Faedah Berubah adalah kadar faedah ke atas pinjaman atau sekuriti yang berubah-ubah dari masa ke masa kerana ia berdasarkan kadar faedah penanda aras asas atau indeks yang berubah secara berkala.